

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SURAT KHABAR  
SIRI KE-5/97**

TAJUK

**KELAINAN MAKNA DALAM BAHASA MELAYU DIALEK  
SABAH**

OLEH

S. NATHESAN

PADA  
APRIL 1997

## KELAINAN MAKNA DALAM BAHASA MELAYU DIALEK SABAH

Bahasa Melayu, yakni bahasa rasmi negara Malaysia mempunyai daerah perturuan yang amat luas, iaitu dari negeri Perlis hingga ke negeri Sabah. Oleh sebab amat luas wilayah penggunaan bahasa Melayu di negara kita, maka timbul banyak kelainan penggunaannya dari segi pertuturan, makna perkataan, binaan atau susunan ayat. Antara ciri yang menjadikan satu bahasa daerah berbeza daripada bahasa daerah yang lain atermasuklah perbezaan makna perkataan dan ungkapan tertentu dalam dialek-dialek yang berkenaan.

Dialek, menurut Hartmann dan Stork (1972), ialah sejenis kelainan bahasa, yang berbeza dari segi sebutan, tatabahasa dan kosa katanya daripada bahasa standard. Sementara itu, Collins (1986:197) pula mentakrifkan dialek sebagai satu ragam bahasa yang dibezakan secara ategas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat di dalam daerah geografi tententu dan dalam suasana sosial tertentu.

Yang nyata daripada dua takrif di atas, adalah bahawa salah satu kelainan antara dialek yang dapat dikesan ialah pada kosa kata yang digunakan dalam dialek tersebut.

Dialek-dialek bahasa Melayu di Malaysia pada umumnya dapat dibahagikan kepada dialek-dialek seperti dialek, Kedah, Perak, Selangor, Negeri

Sembilan, Johor, Terengganu, Kelantan, Sarawak, atau dialek Sabah. Walaupun terdapat beberapa banyak dialek dalam bahasa Melayu, dengan perbezaan-perbezaan yang tersendiri, namun ada unsur saling memahami antara penutur-penutur yang menggunakan bahasa-bahasa daerah tersebut.

Menurut Asmah Hj. Omar (1977), dialek-dialek bahasa Melayu kepada empat kelompok seperti yang berikut:

- i. kelompok barat laut (Kedah, Perlis, Perak Utara, Pulau Pinang)
- ii. kelompok timur laut (dialek Kelantan)
- iii. kelompok timur laut (dialek Terengganu)
- iv. kelompok selatan (kelompok Johor, Melaka, Selangor, Perak Selatan)

Sementara itu, Bahasa Melayu Baku (BMB) yang ditetapkan untuk dijadikan bentuk bahasa yang rasmi untuk digunakan oleh pengguna bahasa Melayu dalam konteks rasmi dan penulisan merupakan dialek standard yang seperti kata Asmah Hj. Omar (1978:190) tidak lain daripada hanya satu dialek antara sekian banyak dialek yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Dalam sekian banyak dialek yang terdapat di negara kita, terdapat juga kelainan penggunaan perkataan untuk membawa makna yang berbeza-beza ketika digunakan di daerah atau wilayah dialek itu dituturkan.

Dalam makalah ini, kelainan leksikal dalam dialek-dialek akan diteliti untuk

melihat perbezaan makna yang didukung dalam dialek-dialek berkenaan walaupun pada dasarnya dialek-dialek ini merupakan termasuk dalam satu bahasa yang sama. Beberapa banyak daripada perkataan dalam dialek-dialek bahasa Melayu khususnya dialek Sabah akan ditinjau dari segi komponen makna yang tercakup di dalamnya.

Sebelum itu, pertamanya, kita teliti dahulu sebab-sebabnya terjadi kelainan dalam bahasa. Banyak faktor yang menyebabkan kelainan dalam bahasa, seperti jarak yang jauh antara penutur-penutur bahasa, perpisahan antara kumpulan dan sebagainya. Dalam hal ini, Nik Safiah Karim (1988) menyatakan bahawa timbul perbezaan yang lebih nyata pada satu-satu bahasa khususnya dari segi perbendaharaan kata, tatabahasa, dan sebutan kerana peredaran masa yang panjang dan penyebaran daerah yang luas.

Kini kita perhatikan beberapa kelainan perkataan yang digunakan dalam dialek-dialek Melayu dengan tumpuan kepada bahasa Melayu dialek Sabah, yakni salah satu dialek yang digunakan di Pulau Borneo. Oleh sebab dialek Sabah lebih mendekati sifat-sifat bahasa Indonesia (Nik Safiah Karim, 1988:23), maka terdapat banyak leksis bahasa Indonesia dalam kosa kata dialek ini.

Dalam dialek ini, terdapat penggunaan kata sebilangan kata dan ungkapan seperti *mama*, *bilang* dan *jam berapa* yang menyampaikan makna yang berbeza berbanding dengan BMB. Kalau diteliti maknanya adi dalam kamus dan makna

yang lazim difahami masyarakat penutur di Sabah, nyata ada perbezaan maknanya. Dengan kata lain, maknanya tidak sama seperti yang difahami dalam BMB.

Misalnya, kata *bilang* dalam dialek Sabah yang terdapat dalam ayat “Sudah banyak kali saya *bilang* sama dia” , tidak mendukung makna seperti yang dientrikan dalam kamus. Makna yang tercatat dalam Kamus Dewan (1994) adalah seperti yang berikut:

- i. hitung (an), kira (an) jumlah (banyak) barang; tidak masuk kira.

Dalam ayat tersebut, makna *bilang* ialah “memberitahu”, atau “berkata”. Oleh itu, ayat tersebut membawa makna “Sudah banyak kali saya *memberitahu dia*” dalam dialek Sabah. Makna ini nyata makna yang berlainan daripada yang dientrikan dalam kamus. Dengan yang demikian, makna yang difahami secara lazim oleh masyarakat Sabah adalah berbeza daripada makna seperti yang dientrikan dalam kamus.

Demikian juga kata *mama* yang digunakan untuk merujuk kepada *ibu* atau *emak* di Sabah seperti dalam ayat yang berikut: “*Mama* saya belum pulang lagi” yang dalam BMB akan berbunyi “*Ibu* saya belum pulang lagi” tidak dapat diterima dalam bahasa standard. Kata *mama* sebenarnya, mengikut *Kamus Dewan* (1994) ialah bahasa percakapan bagi kata “*ibu*”. Dalam bahasa standard kata *mama* tidak atau jarang-jarang digunakan.

Sementara itu, bagi kata *pukul* yang lazim digunakan untuk merujuk kepada waktu dalam BMB, digunakan pula kata *jam* dalam dialek Sabah. Menurut Kamus Dewan (1994), *jam* bererti “sejenis alat untuk menunjukkan waktu”, “waktu yang lamanya 60 minit”, “tanda waktu, pukul”, “ketika, saat” manakala kata *pukul* bermakna “ketuk dengan benda yang keras atau berat”, dan “bahagian daripada sesuatu hari seperti yang ditunjukkan oleh jam, waktu tertentu dalam sesuatu hari”.

Walaupun kedua-dua kata tersebut mendukung komponen makna yang sama, iaitu yang “menandakan waktu”, namun di Sabah kata *jam* menjadi pilihan untuk menyatakan maksud tersebut. Demikian juga dalam dialek Terengganu, kata *molek* menjadi pilihan untuk menyatakan maksud “bagus, baik dan cantik” berbanding dengan kata bagus, baik atau cantik.

Satu lagi kata yang digunakan dengan meluas dalam kebanyakan dialek termasuk dialek Sabah ialah kata *kelmarin* yang membawa makna “hati sebelum hari ini”. Dalam dialek Sabah, kata *semalam* yang membawa makna yang sama tidak digunakan. Sementara itu, dalam dialek Kedah dan Perak, ungkapan *kelmarin dulu* membawa makna “dua hari sebelum hari ini” (Kamus Dewan, 1994:617).

Kita perhatikan beberapa banyak kata yang lain daripada dialek Sabah yang mendukung makna yang berlainan berbanding dengan BMB. Antara katanya adalah seperti yang berikut:

- i. *kita* digunakan sebagai panggilan hormat kepada orang yang dilawan cakap sebagai gantungan kata ganti “awak, engkau” dan bukan seperti makna yang terdukung dalam kata ganti diri *kita* yang membawa makna “orang yang bercakap serta sekalian yang hadir atau yang mendengarnya”.
- ii. *beliau* digunakan sebagai panggilan hormat bagi bapa, suami, orang yang lebih tua dan sesiapa sahaja yang dihormati. Di sini kata *beliau* mendukung beberapa makna tambahan daripada makna “kata ganti diri ketiga untuk orang tua atau orang yang dihormati”. Tambahan makna bagi kata ini ialah panggilan hormat bagi bapa dan suami.
- iii. *roti* digunakan untuk membawa makna “biskut” dan tidak untuk membawa makna “sejenis makanan yang diperbuat daripada tepung gandum dan lain-lain” seperti dalam BMB kerana “biskut” mengikut Kamus dewan (1994) ialah “sejenis kuih kering yang dibakar, biasanya leper, nipis, dan rangup”.

Demikianlah sekadar beberapa contoh perkataan dalam dialek Sabah yang memperlihatkan makna yang berlainan daripada BMB. Kini perhatikan beberapa perkataan BMB.

Dalam BMB kata *jamban* membawa makna “tempat membuang air” atau

“tandas” tetapi dalam dialek Pahang, kata ini membawa makna “tempat mandi atau basuh kain (Kamus Dewan, 1994: 513). Kata *bidas* dalam BMB membawa makna “memantul (balik)”, “menembus (pertalian musuh dan lain-lain”, dan “mengecam” manakala dalam dialek Kelantan dan Terengganu kata *bidas* membawa pula makna “lastik” seperti dalam ayat “budak itu suka bermain *bidas*” (Kamus Dewan, 1994:156).

Sementara itu, kata *darat* yang lazimnya difahami sebagai “tanah” dalam BMB, berbeza makna dalam dialek Kelantan. Dalam dialek itu, kata *darat* membawa erti “bodoh” atau “dungu”. Demikian juga dalam dialek Perlis, kata *latah* membawa makna “tidak berkaki untuk berjalan” (Kamus Dewan, 1994: 771) manakala antara maknanya dalam BMB ialah “sejenis penyakit saraf”, sampah di bawah tumbuhan-tumbuhan”.

Demikianlah beberapa banyak daripada perkataan yang digunakan dalam dialek-dialek bahasa Melayu di negara kita khususnya di negeri Sabah yang bukan sahaja memperlihatkan perbezaan perkataan malah makna yang hendak disampaikan dalam konteks perbualan. Perlu diingat bahawa makna yang disampaikan dalam dialek-dialek adalah dalam konteks lisan sahaja manakala dalam konteks rasmi makna yang “sebenar” disampaikan khususnya dalam penulisan.

Walaupun sudah ada berpuluhan-puluhan kajian terhadap dialek-dialek bahasa

Melayu sudah dikerjakan di negara kita, namun pada hemat penulis, kajian dialek dari segi makna masih kurang dilakukan. Justeru, diharapkan bab ringkas ini, selain memberi sedikit sumbangan dalam kajian dialek dari aspek makna atau semantik dapat turut merangsangkan kajian aspek makna dialek-dialek Melayu.